

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [  
SEPANGGAR ]**

**NO. SOALAN : 407**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN  
WILAYAH** menyatakan adakah Kementerian  
merancang untuk membina pusat pembangunan dan  
Latihan Kemas di Sepanggar untuk Sabah bagi  
mengatasi keperluan latihan di kalangan kakitangan  
Kemas di Sabah.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Sepanggar, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) sentiasa mengambil berat keperluan tempat latihan yang kondusif kepada setiap kakitangan dan Pemaju Masyarakat KEMAS. Sehubungan dengan itu, KEMAS sedang dalam tindakan penyediaan kertas cadangan Projek Pembinaan Institut Latihan KEMAS (ILK) di Keningau, Sabah.

Pada masa ini, KEMAS dalam proses mendapatkan pelan tapak yang bersesuaian daripada Pihak Berkuasa Negeri. Seterusnya permohonan bajet akan dikemukakan di bawah RP3 (Rolling Plan Ke-3).

Sekiranya diluluskan, Institut Latihan KEMAS di Keningau ini akan memberi manfaat kepada seluruh kakitangan juga masyarakat di Sabah dan Sarawak termasuklah di Sepanggar.

## PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN**

**SOALAN : NO. 408**

Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan tindakan pihak Kerajaan akibat daripada pengurangan bajet IPTA menyebabkan kekurangan peruntukan untuk penyelidikan dan pembangunan (R&D), penghijrahan ahli-ahli akademik ke IPTS serta menjejaskan tahap ranking universiti dunia dalam tahap akademik yang sedia ada.

### JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan untuk pembangunan program penyelidikan di Universiti Awam (UA) pada tahun 2017 adalah sebanyak RM400 juta berbanding dengan RM370 juta pada tahun 2016 iaitu tambahan sebanyak RM30 juta.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa memberikan keutamaan terhadap penyelidikan berfokus yang memberi manfaat kepada masyarakat, ekonomi, akademik dan industri. KPT juga telah mengumumkan tahun 2017 merupakan tahun *Translational Research* yang mana program penyelidikan dilaksanakan bertepatan dengan agenda nasional dan memberi manfaat secara langsung kepada pelbagai sektor. Selain itu, KPT telah mengambil langkah proaktif melalui penstrukturan semula pelaksanaan program penyelidikan mengikut keutamaan dan bidang strategik. Penstrukturan semula ini dilaksanakan

melalui jaringan kerjasama dengan pelbagai sektor dan institusi pendidikan tinggi (IPT) di dalam dan luar negara.

Hasil daripada fokus KPT dalam bidang penyelidikan juga, seramai 14 orang penyelidik negara telah diisytiharkan sebagai penerima anugerah Malaysia's Rising Star Award 2016 oleh agensi pengindeksan antarabangsa Clarivate Analytics kerana menghasilkan artikel yang menerima sitasi penerbitan 1% tertinggi dunia. Manakala seramai 6 penyelidik telah diisytiharkan sebagai Malaysia's Rising Star Award 2016 oleh Elsevier dalam kategori *Women in Science* dan *International Collaboration*. Pihak Clarivate Analytics dengan kerjasama KPT juga menyampaikan pengiktirafan global kepada 3 penyelidik dari Malaysia dalam *Malaysia's Highly Cited Researchers Named Amongst the World's Most Influential Scientific Minds 2015*.

Anugerah juga diberikan kepada 2 institusi yang disenaraikan dalam Reuters Top 75: Asia's Most Innovative Universities iaitu Universiti Putra Malaysia ke-73 dan Universiti Malaya ke-75. Penghargaan ini diberikan kepada institusi pendidikan yang memajukan sains, mencipta teknologi baharu dan memacu ekonomi global dalam aspek kertas kerja akademik, paten dan mengkomersilkan penemuan.

IPT juga berjaya meningkatkan 11 subjek dalam kedudukan 50 terbaik dunia dan 52 subjek tersenarai dalam 100 terbaik di dunia bagi penarafan QS World University Rankings by Subject 2017.

Aktiviti penyelidikan di UA, terutamanya universiti penyelidikan tidak terjejas dan akan diteruskan mengikut perancangan bagi memastikan kedudukan universiti tempatan terus diperkukuhkan di peringkat global.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN  
[ PETALING JAYA SELATAN ]**

**SOALAN : 409**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ] minta MENTERI  
PENGANGKUTAN menyatakan :-**

- (a) alasan memberhentikan semua usaha pencarian bangkai pesawat MH370; dan
- (b) jumlah waris mangsa yang telah membawa kes ke mahkamah untuk tuntutan pampasan dan persetujuan pembayaran pampasan kepada mangsa.

## JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, operasi pencarian pesawat MH370 oleh pasukan operasi melibatkan Malaysia, Australia dan Republik Rakyat China (RRC) di kawasan tambahan seluas 120,000 kilometer persegi di Lautan Hindi telah selesai dilaksanakan dan digantung pada 17 Januari 2017.

Keputusan menggantung operasi pencarian pesawat MH370 adalah selaras dengan persetujuan yang dicapai pada Mesyuarat *Tripartite* Peringkat Menteri di antara Malaysia, Australia dan Republik Rakyat China (RRC) yang telah diadakan pada 22 Julai 2016. Melalui mesyuarat tersebut, ketiga-tiga negara telah bersetuju sekiranya terdapat maklumat atau petunjuk baru yang sahih dan kukuh (*credible*) diperolehi, maka operasi pencarian selanjutnya akan dipertimbangkan.

Susulan daripada penggantungan operasi pencarian pesawat MH370, Jabatan Penerbangan Awam (DCA) akan mengetuai pasukan bertindak (*response team*) yang diwujudkan untuk memantau secara berterusan bukti-bukti baru berkaitan MH370.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak 141 kes telah dibawa oleh waris mangsa ke mahkamah di Malaysia, Australia, Amerika Syarikat, China, France dan New Zealand. Daripada jumlah tersebut, 116 kes telah menerima tawaran bayaran pampasan akhir dari Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS). Walau bagaimanapun, dari 116 kes tersebut, sebanyak 18 waris mangsa masih belum menarik balik tindakan undang-undang mereka terhadap MAS.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN  
[ PETALING JAYA SELATAN ]**

**SOALAN : 410**

**Tuan Hee Loy Sian [ Petaling Jaya Selatan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status pengambilalihan sistem AES serta bayaran pampasan yang diberikan kepada dua syarikat pembekal.

**JAWAPAN**

Ahli Yang Berhormat,

Penyedia perkhidmatan AES daripada syarikat sebelum ini iaitu A.T.E.S Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd telah diambil alih sepenuhnya oleh syarikat Irat Properties Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT). Pengambilalihan ini adalah melibatkan transaksi komersial di antara pihak berkepentingan dan tidak melibatkan bayaran pampasan oleh Kerajaan.